

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2011/2012**

| | | |
|--------------------|---|--|
| NAMA KURSUS | : | PEDAGOGI |
| KOD KURSUS | : | BBD 10302 |
| KURSUS | : | SARJANA MUDA PENDIDIKAN VOKASIONAL (ELEKTRIK & ELEKTRONIK) DENGAN KEPUJIAN |
| TARIKH PEPERIKSAAN | : | JUN 2012 |
| JANGKA MASA | : | 2 JAM |
| ARAHAN | : | JAWAB SOALAN SATU DAN TIGA SOALAN LAIN YANG DISEDIAKAN |

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI LAPAN (8) MUKA SURAT

SULIT

S1 Baca petikan berikut dan jawab soalan seperti dinyatakan.

Anda adalah seorang guru yang mengajar mata pelajaran Teknologi Elektrik. Pada hari Selasa, bertarikh 25 April 2012, anda mempunyai dua masa untuk mengajar di kelas Tingkatan 4 E2 yang bermula jam 8.50 pagi. Di Sekolah Menengah Teknik, masa bagi setiap mata pelajaran adalah selama 35 minit sahaja. Jumlah pelajar dalam kelas tersebut seramai 30 orang.

Bagi kelas hari tersebut anda telah memilih tajuk Arus Elektrik: Bateri dan Sel Solar. Di antara isi pelajaran yang akan disampaikan adalah seperti berikut:

PENGENALAN

Arus terus (a.t) merupakan arus elektrik yang mengalir berterusan pada satu arah sahaja. Ini merupakan jenis arus elektrik yang dibekalkan oleh sel voltan. Selagi kekutuban voltan pada pangkalan-pangkalan sel voltan adalah tetap dan tidak terbalik, maka sel voltan ini boleh disebut sebagai punca voltan terus.

SUMBER-SUMBER ARUS TERUS

Bateri

Bateri atau sel merupakan sumber arus terus di mana ia direka khas untuk menghasilkan voltan keluaran dan arus keluaran maksimum yang tertentu. Bezanya yang terhasil di antara pangkalan-pangkalan sel bergantung kepada bahan-bahan elektrod tetapi tidak kepada saiz fizikal elektrod atau kuantiti elektrolit.

Arus keluaran sel bergantung kepada voltan keluaran dan rintangan beban luar iaitu ;

$$I = \frac{E}{R}$$

Di mana I ialah arus keluaran, E ialah voltan pangkalan sel dan R ialah rintangan beban luar. Walau bagaimanapun, arus maksimum yang boleh dibekalkan oleh satu sel ada hadnya. Apabila had ini dicapai, voltan pangkalan sel mula jatuh. Dengan ini arus keluaran tidak dapat dinaikkan. Arus maksimum yang boleh ditarik daripada sel berhubung terus dengan saiz fizikal komponen-komponen sel. Ternyata elektrod- elektrod dengan luas permukaan yang kecil. Oleh yang demikian, sel-sel voltan yang besar secara fizik boleh menanggung arus keluaran yang lebih besar daripada sel-sel kecil.

Sel Solar

Sel solar juga merupakan satu sumber arus terus di mana pancaran cahaya matahari boleh menghasilkan arus elektrik. Contoh-contoh alat elektrik yang menggunakan sinaran cahaya matahari sebagai punca arus elektrik ialah seperti kalkulator dan sistem pemanas air di rumah.

Soalan:

Dari petikan di atas, anda dikehendaki menyediakan satu *perancangan mengajar harian* bagi mencapai dua objektif pengajaran yang merangkumi semua maklumat penting dan tindakan yang wajar bagi seorang guru untuk menyampaikan isi pelajaran secara berkesan dan praktikal. Sebelum menutup kelas, anda bercadang mengemukakan dua soalan berkaitan dengan isi yang telah disampaikan. Sila jawab di dalam format borang yang disediakan.

(40 markah)

- S2**
- (a) Nyatakan definisi pembelajaran? (4 markah)
 - (b) Pengajaran adalah satu proses. Nyatakan proses-proses yang berlaku di dalam pengajaran? (6markah)
 - (c) Senaraikan empat model pengajaran. Huraikan dua daripada model tersebut. (10 markah)
- S3** Penilaian penting dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran kerana ia memberi maklumat kepada hasil pengajaran dan pembelajaran yang telah dilaksanakan.
- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan penilaian dalam proses pengajaran? (4 marakah)
 - (b) Nyatakan fungsi sesuatu penilaian yang dibuat,
 - i. di awal pengajaran?
 - ii. di akhir sesuatu pengajaran?(6 marakah)
 - (c) Nyatakan dua jenis penilaian dan huraikan ke dua-dua jenis tersebut? (10 markah)
- S4** Komunikasi merupakan satu aktiviti penting dalam menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.
- (a) Apakah yang anda faham mengenai konsep komunikasi. (4 markah)
 - (b) Senaraikan dua jenis komunikasi yang berlaku di dalam bilik darjah dan berikan contohnya. (6 markah)
 - (d) Huraikan empat halangan komunikasi yang kerap berlaku semasa proses pengajaran dan pembelajaran sedang berlangsung di dalam bilik darjah? (10 markah)

- S5**
- (a) Dalam merangka menyediakan persediaan mengajar, istilah-istilah berikut sering digunakan dalam menyediakan rancangan mengajar harian. Apakah yang anda faham dengan istilah berikut:
- (i) Set induksi.
 - (ii) Pra pengajaran.
 - (iii) Nilai Murni.
 - (iv) Refleksi.
- (4 markah)
- (b) Objektif pengajaran dan pembelajaran boleh ditulis dalam dua bentuk iaitu eksplisit dan implisit. Apakah yang dimaksudkan dengan eksplisit dan implisit serta berikan dua contoh kata kerja setiap jensi?
- (6 markah)
- (c) Nyatakan dua kategori penutup sesuatu proses pengajaran. Huraikan ke dua-dua kategori tersebut dengan jelas.
- (10 markah)
- S6**
- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan bahan bantu mengajar?
- (4 markah)
- (b) Senaraikan tiga kategori bahan bantu mengajar dan berikan dua contoh bagi setiap kategori tersebut.
- (6 markah)
- (c) Senaraikan enam kepentingan bahan bantu mengajar kepada guru dan huraikan dua kepentingan tersebut.
- (10 markah)

RANCANGAN MENGAJAR HARIAN

Mata Pelajaran : _____ Tarikh: _____

Tingkatan : _____ Bil. Pelajar: _____

Tempat : _____ Masa : _____

TAJUK: _____

OBJEKTIF:

ALAT BAHAN BANTU MENGAJAR:

PENGETAHUAN SEDIADA:

LANGKAH KESELAMATAN:

PENERAPAN NILAI-NILAI MURNI:

SESI PENGAJARAN:

| Masa | Isi Pelajaran | Hasil Pembelajaran | Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran | Catatan |
|------|-------------------------|--------------------|--------------------------------------|---------|
| | <i>Pra Pengajaran:</i> | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | <i>Penyampaian Isi:</i> | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |

Sambungan:

| Masa | Isi Pelajaran | Hasil Pembelajaran | Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran | Catatan |
|------|-----------------|--------------------|--------------------------------------|---------|
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | Penutup: | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |

TUGASAN:

REFLEKSI PELATIH:

CATATAN PENYELIA:

Tandatangan Penyelia: _____

Nama : _____